

Hubungan antara Konsep Kendiri dan Motivasi dengan Pencapaian Pelajar Bagi Kursus Makroekonomi

Faizan Maisarah binti Abu Bakar
Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
E-mail: maisarah@ptsb.edu.my

Nurul Adyani binti Che Daud
Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
E-mail: adyani@ptsb.edu.my

Azlina binti Azmi
Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
E-mail: azlinaazmi@ptsb.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji hubungan antara konsep kendiri dan motivasi dengan pencapaian pelajar dalam kursus Makroekonomi. Kajian ini melibatkan 153 orang pelajar semester dua sesi pengajian Jun 2014 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A (latar belakang), bahagian B (konsep kendiri akademik), bahagian C (konsep kendiri bukan akademik) dan bahagian D (motivasi pencapaian). Dapatan kajian menunjukkan bahawafaktor konsep kendiri akademik dan bukan akademik berada pada tahap sederhana dengan purata pencapaian skor min adalah 2.91 (SP = 0.68) dan 3.18 (SP = 0.68), masing-masing. Motivasi pelajar juga berada pada tahap sederhana dengan purata pencapaian skor min adalah 2.90 (SP = 0.67). Berdasarkan hasil analisis korelasi, terdapat hubungan positif yang signifikan di antara konsep kendiri bukan akademik dengan pencapaian pelajar bagi kursus Makroekonomi dengan nilai $r = 0.186$.

Katakunci: Konsep kendiri akademik, Konsep kendiri bukan akademik, Motivasi

Abstract

This study was conducted to examine the relationship between self-concept and motivation of student's achievement in Macroeconomics Course. The study involved 153 semester 2 (June 2014 Session) Commerce Department students from Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. The questionnaire instrument consist four parts; part A (background), part B (academic self-concept), part C (non-academic self-concept) and part D (achievement motivation). The results showed that the self-concept of academic and non-academic in moderate level with a mean score 2.91 (SD = 0.68) and 3.18 (SD = 0.68) respectively. While students motivation in moderate level with a mean score 2.90 (SD = 0.67). Beside that, the finding show that a positive significant relationship between self concept of non-academic and the students achievement for the course of Macroeconomics with $r = 0.186$.

Keywords: Self Academic Concept, Self Non-Academic Concept, Motivation

1. Pengenalan

Makroekonomi merupakan kursus wajib yang perlu diambil pada semester kedua oleh semua pelajar politeknik. Hasil pembelajaran yang telah ditetapkan bagi kursus ini adalah pelajar perlu (i) menjelaskan dengan efektif impak masalah terhadap sistem ekonomi dalam situasi semasa ekonomi; (ii) mengira dengan tepat pengiraan pendapatan negara dan menyediakan penentuan untuk keseimbangan pendapatan negara dalam sektor ekonomi; (iii) menulis secara ringkas maklumat mengenai peralatan polisi fiskal dan polisi kewangan yang memberi kesan terhadap ekonomi; (iv) menjelaskan kepentingan teori makroekonomi untuk mengatasi permasalahan dalam ekonomi (Sukatan Pelajaran Makroekonomi Politeknik KPTM).

Dalam konteks pendidikan, pembentukan konsep kendiri merupakan suatu proses yang penting di samping penguasaan pelajar dalam bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Pada masa kini, pembentukan konsep kendiri di antara pelajar amatlah membimbangkan. Kebanyakan pelajar mempunyai konsep kendiri yang rendah dan mereka juga terlalu pasif dan negatif yang boleh memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka (Azizi et Al., 2005). Menurut Zahara (2000), konsep kendiri yang positif dan motivasi pencapaian mempunyai perkaitan yang sejajar dengan pencapaian akademik. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya warga pendidik agar membina generasi pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang baik, berupaya ke arah menjadi insan kamil, mempunyai minda kelas pertama dan berketerampilan dalam pelbagai aspek seperti yang disarankan oleh Azizi Yahaya et.al (2005).

Konsep kendiri juga boleh ditentukan melalui personaliti seseorang. Terdapat tiga komponen yang penting dalam membentuk konsep kendiri iaitu kesedaran diri sendiri, penerimaan diri sendiri dan penerimaan daripada orang lain (Azizi et. al, 2005). Konsep kendiri bukan akademik pula merangkumi konsep kendiri fizikal, moral etika, peribadi, keluarga, sosial, tingkah laku, kepuasan diri dan identiti. Menurut Chai Pik Yee (2006), konsep ini tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.

Ee Ah Meng (1997) pulamenyatakan istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermakna 'menggerakkan'. Oleh yang demikian, motivasi bermakna sesuatu usaha yang menggerakkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu. Motivasi dipengaruhi oleh dua faktor iaitu motivasi dalaman dan motivasi luaran (Murray, 1964). Motivasi dalaman termasuk kelaparan,kehausan, kepuasan, dan perasaan. Dalam konteks pembelajaran, motivasi dalaman termasuk motivasi untuk membuat latihan sesuatu mata pelajaran, motivasi untuk menguasai ilmu dan kemahiran sesuatu mata pelajaran, dan motivasi rasa seronok mempelajari sesuatu mata pelajaran. Motivasi luaran termasuk pendapatan, kenaikan gaji, kenaikan pangkat dan

penghargaan. Kedua-dua faktor ini akan mendesak seseorang ke arah satu matlamat.

Kajian oleh Yee (2006) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang sejar antara konsep kendiri dan konsep kendiri bukan akademik dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala dari segi jantina pula, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap konsep kendiri pelajar lelaki dengan perempuan. Walau bagaimanapun, mengikut Dolores (2011), banyak kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri lelaki dan perempuan. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara konsep kendiri dan motivasi pelajar dengan pencapaian kursus Makroekonomi. Kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan konsep kendiri akademik, bukan akademik dan motivasi pencapaian berdasarkan jantina bagi kursus Makroekonomi.

2. Ulasan Literatur

Kaitan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar amat meluas dibincangkan. Kebanyakan kajian menyatakan bahawa konsep kendiri seseorang pelajar mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Antaranya, kajian yang dijalankan oleh Azizi dan Kamaliah (2006) terhadap 216 orang pelajar di tiga buah sekolah menengah sekitar Johor Bahru mendapati bahawa terdapat hubungan antara konsep diri dengan motivasi.

Namun terdapat juga kajian yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Antaranya ialah kajian oleh Conelia (2009) yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan.

Berdasarkan teori motivasi yang menggunakan pendekatan teori matlamat, matlamat pencapaian seseorang akan mempengaruhi pencapaian melalui variasi dalam kualiti proses regulasi kendiri (Covington 2000) dan kemungkinan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian pelajar (Van Zile-Tamsen 1998; Covington 2000).

Hasil kajian oleh Hui – Ju Liu (2010) juga mendapati bahawa konsep kendiri akademik dan motivasi mempunyai hubungan yang positif dan signifikan. Konsep kendiri akademik juga dikatakan sebagai faktor pendorong yang kuat untuk motivasi.

Azizi Yahya et.al (2009) menyatakan pencapaian akademik sering dikaitkan dengan faktor-faktor lain seperti pengaruh ibu bapa, rakan,


guru serta komuniti. Konsep sendiri juga dikatakan dipengaruhi oleh personaliti dan latarbelakang keluarga. Hasil kajian mendapati secara keseluruhan pelajar terdapat kaitan antara konsep sendiri dengan faktor-faktor tersebut.

Konsep sendiri bukan akademik yang merangkumi lima faktor iaitu sendiri fizikal, moral etika, peribadi, keluarga dan sosial turut dibincangkan oleh Conelia (2009). Kajian yang dibuat oleh Low dan Zahari Ishak (2012) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara status sosioekonomi dan konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, Nooraini dan Noor Idahwati (2012) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara syahsiah dan sikap belajar dengan pencapaian akademik.

Terdapat beberapa dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa konsep sendiri bukan akademik mempunyai hubungan yang signifikan atau sejajar dengan motivasi pelajar. Antaranya ialah kajian oleh Azizi dan Kamaliah (2006), yang mendapati terdapat hubungan antara konsep sendiri bukan akademik dengan motivasi dalam kalangan pelajar yang telah menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Selain itu, kajian oleh Riffat, Ghazala dan Anjum (2011) juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, kajian Noor Hayati, Bani, Jamil dan AB Halim (2014), dan kajian oleh Mohamad A.M.A dan Mohd A.Y (2009) pulamendapati faktor motivasi tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

3. Metodologi Kajian

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini. Pembolehubah bersandar adalah pencapaian kursus Makroekonomi, manakala pembolehubah tidak bersandar adalah konsep sendiri akademik, konsep sendiri bukan akademik dan motivasi pelajar.



Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan deskriptif, melibatkan 153 orang pelajar daripada pelajar semester dua pada sesi pengajian Jun 2014 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Maklumat yang diperoleh dalam kajian ini adalah sepenuhnya berdasarkan maklum balas melalui borang soal selidik yang dibentuk dengan menggunakan 5 skala Likert. Soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A (latar belakang), bahagian B (konsep kendiri akademik), bahagian C (konsep kendiri bukan akademik) dan bahagian D (motivasi). Soal selidik yang digunakan adalah adaptasi daripada soal selidik Marzuki (2002).

4. Dapatan

Dapatan kajian ini telah dianalisis menggunakan dua kaedah iaitu secara deskriptif dan inferensi. Untuk menganalisa data secara deskriptif, kajian ini telah menggunakan kaedah frekuensi, peratusan min, skor min dan sisihan piawai. Bagi analisis data inferensi pula, kajian ini telah menggunakan ujian-t dan korelasi Pearson.

4.1 Dapatan Deskriptif

4.1.1 Latarbelakang Responden

Seramai 153 orang pelajar telah terpilih sebagai sampel untuk menjayakan kajian ini. Setiap pelajar diklasifikasikan mengikut jantina, bangsa, program yang diikuti dan pencapaian pelajar dalam Kursus Makroekonomi berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Akhir. Jadual 1 memperincikan profil responden berkenaan.


Jadual 1. Profil Responden Kajian

Perkara	Klasifikasi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	26	17
	Perempuan	127	83
Bangsa	Melayu	118	77.1
	Cina	9	5.8
	India	26	17.1
Program	DAT	80	52.3
	DPR	37	24.2
	DPM	36	23.5

Daripada 153 orang pelajar, 17% adalah terdiri daripada pelajar lelaki iaitu seramai 26 orang manakala, selebihnya iaitu 83% (127 orang) adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Majoriti pelajar terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu iaitu seramai 118 orang (77.1%)

manakala selebihnya adalah pelajar yang berbangsa Cina (seramai 9 orang dan berbangsa India (seramai 26 orang). Kajian ini telah melibatkan pelajar daripada tiga program pengajian iaitu Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Pemasaran (DPR) dan Diploma Pengajian Perniagaan (DPM). Responden yang mengikuti program DAT adalah seramai 80 orang (52.3%), program DPR seramai 37 orang (24.2%) dan program DPM adalah seramai 36 orang (23.5%).

Selain itu, maklumat mengenai pencapaian pelajar dalam kursus Makroekonomi juga diperolehi berdasarkan keputusan Peperiksaan Akhir Semester. Rajah 2 menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan akhir semester bagi Kursus Makroekonomi.



Rajah 2. Gred Pencapaian Pelajar dalam Kursus Makroekonomi

Merujuk kepada carta pada Rajah 1, majoriti pelajar iaitu 37 orang (24%) memperolehi gred C dalam Peperiksaan Akhir Semester. Selain dari itu, hanya 2% daripada pelajar berjaya memperolehi gred A iaitu seramai 3 orang.

Jadual 2. Interpretasi Skor Min Bagi Dapatan Analisis Deskriptif

Skor Min	Interpretasi Tahap
1.00 – 1.75	Tahap Rendah (R)
1.76 – 2.50	Tahap Sederhana Rendah (SR)
2.51 – 3.25	Tahap Sederhana Tinggi (ST)
3.26 – 4.00	Tahap Tinggi (T)

Sumber: Ravichantiran (2007) dan Edora (1998)

Bagi menganalisis tahap konsep kendiri akademik, konsep kendiri bukan akademik dan motivasi pencapaian, pengkaji telah menggunakan analisis statistik secara deskriptif. Skor min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Ravichantiran (2007) dan Edora (1998) seperti dalam Jadual 2. Interpretasi data analisis korelasi pula adalah berdasarkan kepada cadangan Cohen (1988) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Interpretasi Kekuatan Hubungan

Nilai r	Interpretasi
± 0.10 hingga 0.29	Hubungan Lemah
0.30 hingga 0.49	Hubungan Sederhana
0.50 hingga 1.00	Hubungan Kuat

Sumber: Cohen (1988)

4.1.2 Konsep Kendiri Akademik

Bagi mengukur konsep kendiri, sebanyak 15 soalan telah diajukan kepada responden. Hasil daripada analisis tahap konsep kendiri akademik pelajar dinyatakan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Analisis Tahap Konsep Kendiri Akademik Responden

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mempunyai daya ingatan yang baik	2.75	.54	ST
Saya tidak akan berputus asa apabila membuat latihan atau tugas yang susah	2.92	.56	ST
Saya lebih suka meniru latihan kawan saya	2.83	.65	ST
Saya rasa saya seorang yang pandai dan bijak	2.85	.74	ST
Saya sentiasa bersungguh apabila diberikan sesuatu latihan atau tugas kepada saya	2.82	.67	ST
Apabila ada ujian atau peperiksaan, saya sentiasa berasa bimbang	3.25	.66	ST
Saya dapat buat kerja tugas dan latihan yang diberikan dengan baik	2.95	.53	ST
Saya cekap menggunakan masa untuk keperluan akademik	3.11	.75	ST
Selalunya, saya adalah pelajar yang terakhir yang dipilih untuk mengikuti sesuatu aktiviti	3.00	.66	ST
Saya kurang berpengetahuan mengenai banyak perkara	2.85	.66	ST
Saya adalah seorang pembaca yang rajin	2.65	.83	ST
Saya tidak takut bertanya jika tidak faham dalam sesuatu topik perbincangan di dalam kelas	2.73	.68	ST
Saya gementar berada dalam kumpulan yang besar di dalam kelas	2.72	.72	ST

Saya tidak yakin dengan idea yang saya kemukakan di dalam kelas	3.05	.74	ST
Saya kecewa apabila dikritik pensyarah	3.09	.74	ST
Keseluruhan	2.91	.68	ST

Jadual 5 menunjukkan bahawa item 11 iaitu 'Saya adalah seorang pembaca yang rajin' mendapat skor min terendah iaitu 2.65 (SP = 0.83) manakala item 6 iaitu 'Apabila ada ujian atau peperiksaan, saya sentiasa berasa bimbang' mendapat skor min tertinggi iaitu 3.25 (SP = 0.66). Setiap daripada 15 item bagi mengukur konsep kendiri akademik berada pada tahap sederhana tinggi (ST) manakala secara keseluruhannya, bagi faktor konsep kendiri akademik, purata pencapaian skor min adalah 2.91 (SP = 0.68) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai konsep kendiri yang baik dan masih boleh dipertingkatkan lagi.

I. Konsep Kendiri Bukan Akademik

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menanyakan beberapa soalan berkaitan dengan aspek konsep kendiri bukan akademik kepada responden. Sebanyak 15 soalan telah diajukan kepada semua pelajar yang terpilih. Hasil daripada analisis tahap konsep kendiri akademik pelajar dinyatakan di dalam Jadual 4.6 di bawah:-

Jadual 4.6: Analisis Tahap Konsep Kendiri Bukan Akademik Responden

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya seorang yang sihat	3.35	.60	T
Saya gemar berpakaian kemas	3.35	.57	T
Saya seorang yang berjimat-cermat	2.90	.80	ST
Hubungan saya dengan keluarga adalah mesra	3.55	.61	T
Kawan-kawan menghargai pendapat saya	3.06	.53	ST
Saya tidak suka membantah ibu bapa saya	3.21	.73	ST
Saya mudah berkawan dan menyesuaikan diri dengan orang lain	3.05	.72	ST
Saya tidak cemburu terhadap orang lain	2.93	.77	ST
Saya mempunyai kawan rapat	3.39	.64	T
Saya bergantung pada ibu bapa	2.93	.76	ST
Saya tidak mudah dipengaruhi dan dipujuk oleh orang lain	2.84	.75	ST
Saya berbangga dengan keluarga saya	3.72	.49	T
Saya bukan seorang pemarah	2.75	.88	ST
Saya mempunyai ikatan keluarga yang baik	3.60	.61	T
Saya boleh berkongsi barang dengan rakan	3.12	.70	ST

Keseluruhan	3.18	.68	ST
-------------	------	-----	----

Jadual 6 menunjukkan daripada 15 item konsep kendiri bukan akademik, skor min terendah adalah 2.75 (SP = 0.88) bagi item 13 iaitu 'Saya bukan seorang pamarah' manakala skor min tertinggi ialah 3.72 (SP = 0.49) bagi item 12 iaitu 'Saya berbangga dengan keluarga saya'. Terdapat 6 item berada pada tahap tinggi, manakala selebihnya iaitu 9 item berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, bagi faktor konsep kendiri bukan akademik, purata pencapaian skor min adalah 3.18 (SP = 0.68) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai konsep kendiri bukan akademik yang amat baik dan dianggap mampu membantu para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang berada di Politeknik. Selain itu, pelajar mempunyai hubungan yang amat rapat serta baik sama ada di antara keluarga atau dengan rakan-rakan. Pelajar juga mempunyai sikap berdikari dan berketrampilan menarik yang dipamerkan melalui personaliti para pelajar.

II. Motivasi Pencapaian Bagi Kursus Makroekonomi

Sebanyak 23 soalan telah diajukan kepada responden bagi mengukur motivasi pelajar dalam Kursus Makroekonomi. Hasil daripada analisis tahap konsep kendiri akademik pelajar dinyatakan dalam Jadual 7.

Jadual 7. Analisis Tahap Motivasi Pelajar bagi Kursus Makroekonomi

Item Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya belajar kursus Makroekonomi kerana terpaksa	2.97	.69	ST
Saya melaksanakan tugas kursus Makroekonomi seperti yang diperlukan sehingga berjaya	3.09	.50	ST
Saya suka mengulangkaji kursus Makroekonomi sekiranya saya boleh faham	3.00	.54	ST
Saya mula belajar kursus Makroekonomi semenjak awal semester lagi sebagai persediaan bagi penilaian berterusan	2.56	.71	ST
Saya belajar kursus Makroekonomi hanya ketika ada penilaian berterusan	2.39	.71	SR
Saya mempunyai harapan yang tinggi terhadap kemampuan saya dalam kursus Makroekonomi	2.90	.68	ST
Saya suka melibatkan diri dalam tugas Makroekonomi walaupun rakan sekelas saya	2.64	.59	ST

menganggapnya sukar

Saya ragu-ragu untuk membuat keputusan semasa melaksanakan tugas Makroekonomi	2.36	.61	SR
Saya tidak selalu membantu kawan menyelesaikan masalah Makroekonomi yang susah	2.89	.70	ST
Saya selalu tenang menghadapi penilaian kursus Makroekonomi	2.59	.70	ST
Saya selalu merasa takut akan gagal dalam kursus Makroekonomi	3.16	.85	ST
Saya tidak khuatir menghadapi kegagalan dalam kursus Makroekonomi	3.05	.87	ST
Saya merasa tertekan apabila tidak dapat menyelesaikan penilaian kursus Makroekonomi	3.12	.79	ST
Saya merasa seronok apabila menghadapi penilaian berterusan kursus Makroekonomi	2.63	.67	ST
Saya merasa amat gembira mengetahui keputusan penilaian berterusan kursus Makroekonomi akan diumumkan	2.79	.67	ST
Kursus Makroekonomi tidak membosankan saya	2.80	.66	ST
Kerap kali saya memahami tugas Makroekonomi yang diberikan kepada saya	2.78	.58	ST
Walau pelbagai pandangan dikemukakan, saya tetap meminati kursus Makroekonomi	2.76	.65	ST
Pensyarah mestilah memberikan hadiah kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam kursus Makroekonomi	3.31	.77	ST
Saya tidak akan puas hati sehingga saya siapkan semua tugas kursus Makroekonomi saya	3.05	.58	ST
Saya bercita-cita untuk berjaya dalam bidang yang saya minati	3.58	.53	T
Saya sukakan kerja yang mencabar walaupun kemungkinan separuh sahaja dapat dilaksanakan	3.24	.66	ST
Saya sukakan tugas yang memerlukan sedikit daya usaha	3.04	.69	ST
Keseluruhan	2.90	.67	ST

Jadual 7 menunjukkan daripada 23 item yang digunakan bagi mengukur motivasi pencapaian pelajar, item 8 iaitu 'Saya ragu-ragu untuk membuat keputusan semasa melaksanakan tugas Makroekonomi' mendapat skor min paling rendah iaitu 2.36 (SP = 0.61) manakala item 21 iaitu 'Saya bercita-cita untuk berjaya di dalam bidang

yang saya minati” mendapat skor min yang tertinggi iaitu 3.58 (SP = 0.53). Secara keseluruhannya, bagi faktor motivasi pencapaian pelajar, purata pencapaian skor min adalah 2.90 (SP = 0.67) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai motivasi amat baik untuk mendapat pencapaian yang memberangsangkan bagi kursus Makroekonomi.

Daripada kajian yang dilaksanakan, pelajar sering bersedia untuk menghadapi penilaian berterusan dan sentiasa yakin untuk membuat sebarang keputusan apabila diberikan tugas. Selain itu, pelajar juga dilihat mempunyai cita-cita yang tinggi untuk berjaya. Oleh itu, para pensyarah digalakkan untuk memberi dorongan kepada para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di Politeknik.

4.2 Dapatan Inferensi

4.2.1 Perbezaan Tahap Konsep Kendiri Akademik, Konsep Kendiri Bukan Akademik dan Motivasi Berdasarkan Gender

Jadual 8 menunjukkan keputusan analisis Ujian-t terhadap konsep kendiri akademik, konsep kendiri bukan akademik dan motivasi pelajar mengikut gender. Adalah didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada konsep kendiri akademik dan konsep kendiri bukan akademik berdasarkan gender. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan pada motivasi pencapaian kursus Makroekonomi ($t = 2.207$, $p = 0.034 < 0.05$). Ini menunjukkan bahawa para pelajar, tidak kira lelaki atau perempuan, mempunyai tahap konsep kendiri akademik dan konsep kendiri bukan akademik yang sama. Tahap motivasi pelajar lelaki pula adalah lebih tinggi (Min = 2.99, SP = .22) dibandingkan dengan pelajar perempuan (Min = 2.88, SP = .22).

Jadual 8. Analisis Ujian-t Berpasangan Konsep Kendiri Akademik, Konsep Kendiri Bukan Akademik dan Motivasi Berdasarkan Gender

Faktor Pemboleh Ubah	Gender	Skor Min	Sisihan Piawai	Ujian-t	Tahap Signifikan
Konsep Kendiri Akademik	Lelaki	2.8974	.27013	- 0.152	.880
	Perempuan	2.9060	.22590		
Konsep Kendiri Bukan Akademik	Lelaki	3.2564	.35312	1.203	.238
	Perempuan	3.1669	.30618		
Motivasi	Lelaki	2.9866	.21679	2.207	.034*
	Perempuan	2.8833	.22127		

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

4.2.2. Hubungan Konsep Kendiri Akademik, Konsep Kendiri Bukan Akademik dan Motivasi dengan Pencapaian Kursus Makroekonomi.

Jadual 9 menunjukkan analisis hubungan antara konsep kendiri akademik, konsep kendiri bukan akademik dan motivasi dengan pencapaian kursus Makroekonomi. Berdasarkan Jadual 9, keputusan korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri akademik dan motivasi dengan pencapaian pelajar bagi kursus Makroekonomi. Namun, berdasarkan kepada hasil analisis, terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri bukan akademik dengan pencapaian pelajar bagi kursus Makroekonomi. Walaubagaimanapun, hubungan tersebut adalah lemah di mana $r = 0.186$. Menurut Cohen (1988), nilai r yang berada di antara 0.10 hingga 0.29 adalah lemah.

Jadual 9. Analisis Korelasi Konsep Kendiri Akademik, Konsep Kendiri Bukan Akademik dan Motivasi dengan Pencapaian Kursus Makroekonomi

Faktor Pemboleh Ubah	Korelasi	Tahap Signifikan
Konsep Kendiri Akademik	-.023	.774
Konsep Kendiri Bukan Akademik	.186	.021*
Motivasi Pencapaian Makroekonomi	-.114	.160

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

5. Kesimpulan

Daripada kajian ini, hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi konsep motivasi pencapaian berdasarkan gender bagi Kursus Makroekonomi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri bukan akademik dengan pencapaian kursus Makroekonomi.

Rujukan

Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya & Noordin Yahaya. (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Azizi, Y. & Kamaliah, N. (2006). Relationship between self-concepts, motivation and parenting styles effected student's achievements. Unpublished articles, University Technology Malaysia.

Azizi Y.et. al. (2009). Relationship between self-concepts and personality and student's academic performance in selected secondary schools. *European Journal of Social Sciences*. Vol 11 (2). 302 – 317.

Chai, Pik Yee and Yeo, Kee Jiar. (2006). Hubungan Antara Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sains Tahun Lima di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bachelor's Thesis, UTM.

Cohen J. (1988). "Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences." New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Conelia, S. (2009). Konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Bachelor tesis. Universiti Teknologi Malaysia.

Covington, M.V. (2000). Goal theory, motivation and school achievement: An integrative review. *Annual Review of Psychology* 51: 171-200.

Edora I. (1998). Hubungan di antara budaya organisasi dengan kepuasan kerja di kalangan pekerja sokongan: satu kajian kes di Dewan Bandaraya Kuching Utara. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak

Dolores de Maria. (2011). Students' Involvement in Continuous Assessments Methodologies: A Case Study for a Distributed Information Systems Course.

Ee Ah Meng. (1997). Psikologi pendidikan II. Shah Alam: Fajar Bakti.

Hui – Ju Liu. (2010). The relation of Academic Self-Concept to Motivation among University EFL students. *Feng Chia Journal of Humanities and Social Sciences*. No 20. 207-225.

Low Suet Fin & Zahari Ishak. (2012). A priori model of students' academic achievement: the effect of gender as moderator. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*. No 65: 1092-1100.

Marzuki Ngah. (2002). Hubungan antara konsep kendiri akademik, konsep kendiri bukan akademik dan motivasi pencapaian dengan pencapaian sains. Projek penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad A.M.A & Mohd A.Y. (2009). Motivasi, pengajaran pengaturan kendiri dan prestasi akademik: satu kajian di kalangan pelajar Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilampuri. *Journal Of Al-Tamadun*, 4. Pp. 1-16. Penerbit Universiti Malaya.

Murray, E. J. (1964). *Motivation and emotion*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Noor Hayati Fahmi, T., Bani Hidayat, H., Jamil, A. and AB Halim, T. (2014). Hubungan konsep kendiri dan motivasi pelajar. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*. Volume (1), No. 1: 1-10.

Nooraini Othman dan Noor Idahwati Mohd Noor. (2012). Syahsiah, sikap belajar & pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*. Volume 6: 1-10.

Ravichantiran. (2007). Meningkatkan Kehadiran Kokurikulum Pelajar Melalui “Program Magnet”. Program Kajian Tindakan Negeri Perak Peringkat Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan Kamunting.

Riffat, U.N.A, Ghazala, N. & Anjum, N. (2011). A study of relationship between achievement motivation, self concept and achievement in English and Mathematics at secondary level. *International Education Studies*. Vol 4 (3). 72 – 79.

Van Zile-Tamsen, C.V. (1998). Examining metacognitive self-regulation within the context of daily academic tasks. Doctoral Dissertation, The State University of New York, 1998. *Dissertation Abstracts International* 44 (11A): 3320

Zahara. (2000). Hubungan antara konsep kendiri dan motivasi pencapaian dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.